

Amalan ‘Berbudi Bahasa’: Satu Kajian Nilai Peradaban Masyarakat Malaysia

“Berbudi Bahasa” Practices: A Study on Civilizational Values among Malaysian Society

Taufik A. Latif¹, Mohd Syuja Saedin², Norazilah Buhari³, & Ira Meilita Ibrahim⁴

^{1,2,3,4}Jabatan Pengajian Umum, Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman,
Kampus Sungai Long, Bandar Sungai Long, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 30 Ogos 2018

Disemak: 30 Ogos 2018

Diterbit: 7 September 2018

*Corresponding Author:
Taufik A. Latif, Jabatan Pengajian Umum, Universiti Tunku Abdul Rahman Kampus Sungai Long , Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long, Cheras, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia; Email: taufik@utar.edu.my

Abstrak: ‘Apa guna berkain batik, kalau tidak berbaju kasa, Apa guna memang cantik, kalau tidak berbudi bahasa’. Sejarah telah membuktikan betapa corak hidup masyarakat pada zaman dahulu dicerminkan melalui nilai-nilai yang menjadi asas perkembangan ketamadunan. Nilai pada asasnya merupakan tanggapan yang mempengaruhi corak pilihan terhadap bentuk, alat dan matlamat tindakan. Nilai menjadi ukuran dan pegangan tentang baik buruk atau cantik hodoh sesuatu perlakuan berasaskan kelaziman atau kebiasaan masyarakat. Sebagai anggota masyarakat, seseorang individu dipupuk dengan nilai-nilai sosial yang dikongsi bersama dengan orang lain dan nilai itu akhirnya menjadi kelaziman dalam masyarakat. Daripada kelaziman inilah maka ianya menjadi nilai peradaban yang bersifat mutlak dimiliki oleh sebuah ketamadunan. Dalam konteks masyarakat Malaysia, nilai berbudi bahasa merupakan nilai peradaban yang tidak boleh dipisahkan dengan masyarakat. Nilai ini merangkumi tingkah laku, pertuturan dan perangai. Namun, nilai ini semakin tidak dititiberatkan dan memperlihatkan senario semakin terpinggir dalam kehidupan seharian masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap kesedaran amalan berbudi bahasa dan melihat bentuk-bentuk pengabaian amalan berbudi bahasa tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data utama melalui tinjauan ke atas 100 orang dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Kata kunci: amalan, berbudi bahasa, nilai peradaban, masyarakat.

Abstract: ‘Apa guna berkain batik, kalau tidak berbaju kasa, Apa guna memang cantik, kalau tidak berbudi bahasa’. History has proven how the life patterns of society in the past were reflected through the values that became the basis of the development of civilization. The value is essentially an impression that affects the choice pattern of the form, the tool and the goal of action. The value becomes a measure and holds on the good bad or pretty ugliness of a behaviour based on the norms or habits of the society. As members of a society, individuals are nurtured by social values shared with others and that values eventually become prevalent in the society. From norm it becomes the civilizational values that is owned by a civilization. In the context of Malaysian society, these civilizational values is part of the society that cannot be separated. This value includes behaviour, speech and temperament. However, lately we could see that the courtesy value within our society is declining and shows the scenario is being marginalized in the daily life of the community. In this regard, the study aims at examining the level of consciousness in courtesy and looking at the forms of ignorance of the noble practices. This study uses quantitative methods that involve the collection of

key data through survey of 100 people among various communities.

Keywords: Practice, courtesy, values of civilization, society

Pengenalan

Amalan berbudi bahasa sudah sinonim dengan kehidupan masyarakat negara ini sejak zaman berzaman. Amalan ini bukan sahaja dapat mengukuhkan hubungan antara individu tetapi juga dalam kalangan masyarakat. Hal ini seterusnya akan mewujudkan suasana kehidupan masyarakat yang aman, harmoni, bekerjasama, hormat-menghormati dan kasih sayang. Amalan berbudi bahasa ini merupakan resipi yang cukup ampuh untuk Malaysia sebagai sebuah negara dengan rakyatnya yang multi-etnik, kepelbagaiannya agama dan budaya bagi menjamin perpaduan yang sedia ada tidak tergugat. Ucapan terima kasih, ucapan maaf dan melemparkan senyuman antara amalan budi bahasa paling asas yang tidak lekang dalam kehidupan sehari-hari masyarakat negara ini.

Berbudi bahasa boleh didefinisikan sebagai percakapan yang baik, elok dan bersopan ketika bertutur kata, tinggi dan berhemah budi bicaranya, beradab, bersopan santun, tertib, bersikap lemah lembut, bertingkah laku baik serta mempunyai akhlak yang murni (Wan Mohd Ruzlan, 2012). Tegasnya setiap gerak laku, tutur kata, tatahidup, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain sebagai peribadi mahu pun pergaulan masyarakat terangkum dalam konsep budi bahasa (Abdul Latiff Abu Bakar, 2012). Oleh itu, amalan berbudi bahasa itu berkait dengan adab seseorang dan masyarakat. Masyarakat yang beradab memiliki kehalusan budi pekerti, manakala masyarakat tidak beradab dilabelkan sebagai biadap dan kasar.

Bahkan konsep ini turut terkandung dalam Prinsip Kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Darjah kesusilaan yang tinggi dalam kehidupan seseorang individu dan dalam kehidupan bermasyarakat ditentukan oleh tingkah laku yang sopan. Sehubungan dengan itu pada tahun 2005, kerajaan Malaysia telah melancarkan Program Budi Bahasa dan Nilai Murni (Ku Seman, 2013). Misi utama program selama lima tahun ini untuk melahirkan rakyat yang berbudi bahasa sebagai elemen kekuatan jati diri warganegara Malaysia. Natijahnya nilai ketamadunan rakyat Malaysia akan meningkat apabila amalan budaya murni ini menjadi amalan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Kertas kerja ini ditulis bagi mengkaji tahap kesedaran amalan berbudi bahasa dan melihat bentuk-bentuk pengabaian amalan berbudi bahasa dalam

kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini diharapkan dapat memberi gambaran jelas tentang pengamalan berbudi bahasa pada era ini dan mengambil langkah-langkah yang lebih efektif dalam menangani amalan-amalan budi bahasa yang kian terpinggir pengaplikasiannya oleh masyarakat Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dalam mendapat maklum balas daripada responden yang dikenal pasti. Responden yang dipilih melalui persampelan rawak. Responden yang dipilih terdiri daripada pelbagai kaum. Sebanyak 100 responden terlibat dalam kajian ini.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diubahsuai daripada kajian bertajuk Sikap dan Tingkah Laku Gen Y terhadap Amalan Budi Bahasa Budaya Kita (Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina, 2015). Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian: Bahagian A soalan mengenai demografi responden, Bahagian B soalan mengenai tahap kesedaran amalan berbudi bahasa responden, Bahagian C soalan mengenai bentuk-bentuk pengabaian amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat dan Bahagian D soalan mengenai pandangan responden tentang amalan berbudi bahasa.

Para responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka terhadap 49 soalan yang disediakan dengan menggunakan Skala Likert. Hasil kaji selidik kemudiannya dianalisa dengan menggunakan analisa deskriptif. Pakej Statistik Sains Sosial atau SPSS telah digunakan bagi menganalisa maklumat-maklumat yang diperoleh daripada responden.

Keputusan & Perbincangan

Demografi responden:

Kajian ini melibatkan responden yang tinggal di kawasan Kajang. Bilangan jantina responden seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Responden perempuan lebih banyak berbanding responden lelaki disebabkan oleh lebih banyak responden perempuan yang ditemui oleh pengkaji ketika kajian ini dijalankan.

Jadual 1	Jantina Responden
Jantina	Peratus
Lelaki	48
Perempuan	52

Dari segi umur, 43% ialah responden yang lahir antara tahun 1977 hingga 1997 (umur antara 20 hingga 40 tahun), 33% responden yang lahir antara tahun 1978 hingga 2009 (umur antara 8 hingga 19 tahun), 15 % responden yang lahir antara tahun 1965 hingga 1976 (umur antara 41 hingga 52 tahun) dan 9% responden yang lahir antara tahun 1946 hingga 1964 (umur antara 53 hingga 71 tahun)

Jadual 2 Responden mengikut Tahun Lahir	
Tarikh Lahir	Peratus
1946-1964	9
1965-1976	15
1977-1997	43
1978-2009	33

Dari segi bilangan responden yang terlibat mengikut kategori pekerjaan pula, sebanyak 54% responden terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, 22% golongan profesional, 17% golongan pekerja pentadbiran dan sokongan, 3% lagi merupakan pelajar sekolah menengah dan sebanyak 4% kelompok lain-lain. (Sila rujuk Jadual 3).

Jadual 3 Responden mengikut pekerjaan	
Jantina	Peratus
Pelajar IPT	54
Golongan profesional	22
Pekerja Pentadbiran & Sokongan	17
Pelajar sekolah menengah	3
Lain-lain	4

Tahap Kesedaran Amalan Berbudi Bahasa Responden:

Berdasarkan Jadual 4, tahap kesedaran tentang amalan berbudi bahasa berada pada tahap yang tinggi dan baik. Hal ini dapat dilihat berdasarkan maklum balas responden adalah kerap melakukan terhadap soalan-soalan yang berkaitan tingkah laku seperti senyum kepada orang lain (48%), membalas senyuman (80%), mengucapkan terima kasih (59%), mengucapkan maaf apabila melakukan kesilapan (57%), bersopan santun ketika beratur (52%), menggunakan bahasa yang sopan di media sosial (48%), menghormati semua orang tanpa mengira usia atau pangkat (63%) dan beratur menaiki kenderaan awam seperti bas ke tempat belajar (54%). Keberkesanannya kempen *Budi Bahasa dan Nilai Murni* yang dilancarkan oleh pihak kerajaan pada tahun 2005 ini berjaya diaplikasikan sebagai budaya dan cara hidup untuk melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa dan berhemah.

Tahap kesedaran yang paling tinggi dan kerap dilakukan adalah membalas senyuman kepada orang lain

sebanyak 80%. Amalan ini menjadi nilai umum atau universal yang diterapkan hasil pengajaran oleh ibu bapa, guru, sekolah dan masyarakat (Juliayah Yaacob, 2014) sehingga menjadi keperluan dan amalan asas dalam kehidupan seseorang individu. Asas ini secara tidak langsung berupaya mengembangkan amalan budi bahasa yang lain. Merujuk kepada soalan menghormati semua orang tanpa mengira usia dan pangkat, didapati bahawa sebanyak 63% daripada responden kerap melakukan atau mengamalkannya. Manakala 26% lagi masih melakukan walaupun secara kadangkala. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden dalam soal menghormati seseorang itu tidak melihat kepada umur atau status tetapi menganggap bahawa amalan ini adalah perkara asas yang perlu diamalkan dalam hidup bermasyarakat.

Manakala hasil dapatan tertinggi bagi amalan bertegur sapa kepada semua orang adalah kadang-kadang iaitu sebanyak 41%. Situasi ini menunjukkan masih ada responden yang tidak menjadikan amalan ini sebagai sebahagian cara hidup mereka. Ini didorong tunasnya perasaan prejudis atau berprasyangka terhadap orang lain kerana kepelbagaiannya multietnik yang ada dalam masyarakat (Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2015). Oleh itu pemupukan amalan berbudi bahasa perlu disemai dari awal bangku persekolahan agar tiada perbezaan yang signifikan dalam prejudis dan stereotaip untuk bersama-sama dengan orang lain (Mohd Amar Ibrahim, 2013). Selain daripada itu, responden juga mempunyai tahap kesedaran yang baik iaitu 32% tidak pernah menggunakan media sosial sebagai tempat meluahkan perasaan atau melepaskan tekanan. Ini menunjukkan bahawa setiap individu negara ini tahu kesan penyalahgunaan media sosial ini boleh menghakim nilai murni dalam kalangan masyarakat. Saranan penguatkuasaan undang-undang siber yang dijalankan oleh pihak kerajaan menjadi instrumen penyuburan semula budi bahasa dan nilai murni dalam berbahasa dan bertingkah laku dengan masyarakat.

Sebanyak 41% daripada responden kerap beratur semasa hendak menaiki lif dan 34% masih melakukan tetapi mengikut keadaan. Dalam kontek beratur menaiki kenderaan awam seperti bas, komuter, lrt atau mrt, majoriti daripada responden melakukan amalan. Ini mungkin atas faktor lebih 50% daripada responden adalah daripada golongan pelajar institusi pengajian tinggi yang rata-ratanya menaiki kenderaan awam seperti bas ke tempat belajar. Hal ini juga disebabkan oleh peraturan yang telah disediakan oleh pihak perkhidmatan yang menjadi ikutan masyarakat.

Selain daripada itu, dalam kontek perbuatan yang tidak berbudi bahasa iaitu meletak kenderaan di petak kuning /pili bomba, meludah di khalayak ramai dan merokok di tempat awam, hasil kajian mendapat-

lebih 50% atau majoriti daripada responden mengaku tidak melakukannya. Namun masih ada responden yang melakukannya seperti 27% masih merokok di tempat awam, 19% meludah di khalayak ramai dan 13% masih meletak kenderaan di tempat yang dilarang. Ini merupakan antara perbuatan tidak berbudi bahasa yang dinyatakan dalam kempen “Budi Bahasa, Budaya Kita”.

Melihat kepada tingkah laku responden terhadap amalan berbudi bahasa sama ada yang bersifat positif mahupun negatif, dapat dilihat bahawa responden masih mengamalkan amalan berbudi bahasa dalam kehidupan sehariannya walaupun tidak sepenuhnya. Mereka sedar dan faham bahawa amalan ini masih lagi penting dan relevan terutamanya dalam kehidupan bermasyarakat seperti di Malaysia. Namun demikian keadaan ini harus dikekalkan dan diperkuuhkan kerana sudah ada segelintir masyarakat yang menganggap amalan ini tidak berapa penting bagi diri mereka.

Jadual 4 Tahap Kesedaran Amalan Berbudi Bahasa

Item	i	ii	iii	iv	v ^a
a. Senyum kepada semua orang	0	4	13	35	48
b. Membalas senyuman	0	2	2	16	80
c. Bersopan santun ketika bertutur	0	1	12	35	52
d. Mengucapkan terima kasih	0	0	10	31	59
e. Mengucapkan maaf	0	0	10	33	57
f. Bertegur sapa kepada semua orang	0	8	32	41	19
g. Menggunakan bahasa sopan di media sosial	0	5	17	30	48
h. Menggunakan media sosial sebagai tempat meluahkan perasaan/melepaskan tekanan	32	27	16	21	4
i. Menghormati semua orang tanpa mengira usia atau pangkat	0	0	11	26	63
j. Beratur menaiki lif	2	2	18	37	41
k. Beratur menaiki kendaraan awam	0	4	8	34	54
l. Memandu / menunggang secara berhemah di jalan raya	6	1	22	31	40
m. Meletak kendaraan di petak kuning/ pili bomba	58	11	7	11	13
n. Tidak meludah di khalayak ramai	19	5	9	13	54
p. Tidak merokok di tempat awam	27	3	11	6	53

- a i. Tidak pernah
- ii. Jarang-jarang
- iii. Neutral
- iv. Kadang-kadang
- v. Kerap

Bentuk-bentuk Pengabaian Amalan Berbudi Bahasa:

Responden telah diminta untuk memberi maklum balas terhadap pernyataan berkaitan tingkah laku terhadap amalan berbudi bahasa masyarakat di sekeliling, iaitu orang yang dikenali dan yang tidak dikenali. Hal ini untuk melihat persepsi responden terhadap amalan-amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. Hasil daripada analisa data yang diperoleh, didapati beberapa amalan berbudi bahasa semakin diabaikan oleh masyarakat hari ini.

Berdasarkan Jadual 5, merokok di tempat awam merupakan tingkah laku kerap dilihat oleh responden berlaku di sekelilingnya, iaitu sebanyak 42% dan 26% responden kadang-kadang meihat orang sekelilingnya merokok. Jelasnya, peraturan dan denda yang telah dilaksanakan tentang larangan merokok di tempat-tempat awam belum berkesan untuk mengikis tabiat buruk ini (The Star, 2017). Perbuatan melanggar lampu isyarat/memotong barisan dan meletakkan kereta/kenderaan sesuka hati yang boleh menghalang lalu lintas juga kerap dilihat oleh responden dilakukan oleh orang di sekeliling. Sebanyak 33 % responden kerap melihat orang di sekeliling melanggar lampu isyarat/memotong barisan dan 31% kerap melihat orang di sekeliling meletakkan kereta/kenderaan sesuka hati yang boleh menghalang lalu lintas. Tidak hairanlah hampir setengah juta saman telah dikeluarkan oleh Polis Trafik Kuala Lumpur kepada pengguna jalan raya di ibu kota atas kesalahan tidak berhenti di lampu isyarat, sepanjang tahun 2015 (Sinar Harian, 2016). Hal ini menunjukkan berbudi bahasa seolah-olah tidak wujud dalam kalangan pemandu dan penunggang di negara ini.

Manakala hasil dapatan tertinggi bagi soalan melihat orang di sekeliling tidak bertegur sapa adalah kadang-kadang iaitu sebanyak 38%. Di samping itu 35 % daripada responden kadang-kadang melihat orang di sekeliling tidak tersenyum kepada responden. Adakah faktor tidak mengenali individu terbabit atau faktor keselamatan menyebabkan amalan ini tidak diperaktikkan? Situasi ini menunjukkan usaha-usaha yang lebih berkesan dan proaktif perlu dilakukan agar kedua-dua amalan ini tidak terus hilang dalam kehidupan harian masyarakat negara ini. Bagi tingkah laku tidak mengucapkan terima kasih, 15% responden kerap dan 39% kadang-kadang melihat orang di sekeliling tidak melakukannya. Nampaknya masih berlaku pengabaian dalam kalangan masyarakat dari segi pengamalan budi bahasa yang paling asas ini. Sebanyak 23 % responden kerap dan 31% kadang-kadang melihat orang di sekeliling tidak meminta maaf apabila melakukan kesalahan. Tingkah laku ini antara perbuatan tidak berbudi bahasa yang dinyatakan dalam kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni (Kementerian Penerangan

Malaysia, 2008). Jelaslah perbuatan meminta maaf ini masih sukar diaplikasikan oleh masyarakat dalam kehidupan mereka.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa orang di sekeliling responden menggunakan bahasa kasar dan menggunakan bahasa kesat di media sosial. 20% responden kerap dan 39% kadang-kadang melihat orang di sekeliling menggunakan bahasa kasar berbanding dengan 23% tidak pernah melihat orang di sekeliling berbahasa kasar. Manakala 25% responden kerap dan 33% kadang-kadang melihat orang di sekeliling menggunakan bahasa kesat di media sosial. Penggunaan kata sapaan atau gelaran yang kasar dan biadap menunjukkan ketidaksantunan netizen ketika berkomunikasi di laman sosial. Mereka tidak menjaga air muka orang yang dikomen (Aina Akmar Ahmad et.al, 2016). Apa yang jelas, pengguna laman sosial tidak menitiberatkan kesantunan berbahasa ketika berinteraksi di alam maya.

Adakah masyarakat negara ini semakin bersikap mementingkan diri sehingga mengabaikan nilai-nilai kemanusiaan seperti tidak membantu golongan lemah/OKU dan tidak memberi tempat duduk kepada orang lebih memerlukan di dalam pengangkutan awam? Hal ini kerana hasil dapatan menunjukkan 14 % responden kerap dan 22 % kadang-kadang melihat orang sekeliling tidak membantu golongan lemah/OKU, manakala 19 % responden kerap dan 30 % kadang-kadang melihat orang di sekeliling tidak memberi tempat duduk kepada orang lebih memerlukan di dalam pengangkutan awam. Persoalannya, adakah kegagalan ibu bapa dan sistem pendidikan melemahkan aplikasi nilai-nilai ini dalam masyarakat kita?

Namun begitu hasil dapatan menunjukkan masih ada sinar amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. 17% responden kerap dan 28% kadang-kadang melihat perbuatan orang di sekeliling mengangkat tangan sebagai tanda penghargaan setelah diberi laluan. Manakala 48% responden tidak pernah dan 11% jarang-jarang melihat orang di sekelilingnya mencuri barang mangsa kemalangan. Kedua-dua amalan ini perlu ditularkan di media elektronik mahu pun media sosial agar dapat meningkatkan amalan-amalan berbudi bahasa lain yang kian terhakis dalam diri masyarakat kita.

Jadual 5 Tingkah Laku Terhadap Amalan Berbudi Masyarakat

Item	i	ii	iii	iv	v ^b
a. Tidak bertegur sapa	20	38	8	21	13
b. Tidak tersenyum	18	35	8	25	14
c. Menggunakan bahasa kasar	20	39	2	16	23
d. Tidak mengucapkan terima kasih	15	39	6	23	17
e. Tidak meminta maaf	23	31	7	19	20
f. Menggunakan bahasa kesat di media sosial	25	33	9	17	16
g. Melanggar lampu isyarat/memotong barisan	33	28	8	16	15
h. Mengangkat tangan sebagai tanda penghargaan setelah diberi laluan ketika memandu/menunggang	17	28	11	29	15
i. Meletakkan kereta/kenderaan sesuka hati yang boleh menghalang lalu lintas	31	22	5	18	24
j. Mencuri barang mangsa kemalangan	7	7	27	11	48
k. Tidak membantu golongan lemah/OKU	14	22	20	26	18
l. Tidak memberi tempat duduk kepada orang lebih memerlukan (di dalam pengangkutan awam)	19	30	12	21	18
m. Merokok di tempat awam	42	26	4	7	21
n. Membuat bising di kawasan perumahan	26	33	10	13	18

- b i. Kerap
- ii. Kadang-kadang
- iii. Tidak tahu
- iv. Jarang-jarang
- v. Tidak pernah

Kesimpulan

Pengamalan berbudi bahasa dalam kalangan responden adalah tinggi. Ucapan terima kasih, ucapan maaf, melemparkan dan membala senyuman, dan menggunakan bahasa yang sopan ketika bertutur antara amalan budi bahasa paling asas yang masih dilakukan oleh responden. Namun begitu, masih wujud pengabaian amalan-amalan ini dalam kalangan masyarakat seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian keputusan dan perbincangan di atas.

Berbudi bahasa merupakan salah satu aspek dalam nilai dan norma warisan budaya yang perlu diketengahkan dalam membina modal insan. Selagi kita tidak tahu memberikan makna dan menghayatinya secara mendalam, maka manfaatnya tidak dapat digunakan bagi membangunkan seseorang insan itu lebih cemerlang (A.Aziz Deraman, 2012). Bahkan masyarakat yang memiliki ketinggian amalan berbudi bahasa turut diiktiraf mempunyai peradaban yang tinggi. Sehubungan dengan itu, amat perlu bagi semua pihak berganding bahu bagi memantapkan dan melestarikan amalan berbudi bahasa dalam kalangan

masyarakat negara ini. Semoga rangkap lirik lagu “Budi Bahasa Budaya Kita” berikut menjadi resipi kehidupan harian masyarakat kita dan bukan hanya sekadar hiburan penyedap telinga dan perasaan kita.

Bangsa Malaysia berhemah tinggi
Ramah dan mesra elok pekerti
Yang tiada dibantu, yang lemah dilindungi
Bertimbang rasa hormat-menghormati.

Rujukan

- A. Aziz Deraman. (2012). Warisan Budaya dalam Konteks 1 Malaysia. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 115). Tanjung Malim: UPSI.
- Abdul Latiff Abu Bakar. (2012). *Jati diri dan patriotisme teras peradaban Malaysia*. Perak: UPSI
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim & Noor Aida Makmur. (2016). *Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi di Laman Sosial*. Dalam Proceeding International Conference on Government & Public Affair 2016 (ICOGPA2016), UUM COLGIS.
- Budi Bahasa Budaya Kita*. (2005). Dipetik daripada Portal 1Klik Jabatan Penerangan Malaysia
- Mohd Amar Ibrahim & Najeemah Mohd Yusof. (2013). *Prejudis dan Stereotaip Dalam Kalangan Murid Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia*. Dalam Proceeding of the Global Summit on Education GSE 2013. Kuala Lumpur. 1011-1021.
- Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2015). Sikap Dan Tingkah Laku Gen Y Terhadap Amalan ‘Budi Bahasa, Budaya Kita’. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 12, 243-260.
- Juliyah Yaacob. (2014). *Penerapan Nilai Berbudi Bahasa Dalam pengajaran Bahasa Melayu Dari Perspektif Murid-Murid Darjah Lima*. Dalam Proceeding of the Global Summit on Education GSE 2014. Kuala Lumpur. 598 – 613.
- Ku Seman Ku Hussein. (2013). *Buktikan Budi Bahasa Budaya Kita*. Dipetik daripada www.utusan.com.my
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2015). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Media, Pertubuhan Bukan Kerajaan & Parti Politik. *Jurnal Hadhari*, 7. 33-60.
- The Star. (2017). *Ramai Masih Ingkar Larangan Merokok di Tempat Awam*. Dipetik daripada <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2017/02/03/ingkar-larangan-merokok/>
- Sinar Harian. (2016). Hampir Setengah Juta Saman Langgar Lampu Isyarat. Dipetik daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/hampir-setengah-juta-saman-langgar-lampu-isyarat>
- Wan Mohd Ruzlan, W.O. (2011). *Minda: Kemajuan Hambar Tanpa Budi Bahasa*. Dipetik daripada www.metro.com.my